

**Tarikh Dibaca: 10 NOVEMBER 2023M | 26 RABI'UL AKHIR 1445H**



**ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN  
TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## "MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ  
يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ۝١<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ۝١٠٢<sup>2</sup>

**Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

<sup>1</sup> Al-Kahfi : 1.

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.



Khutbah pada hari ini membicarakan tentang keagungan al-Quran yang bertajuk **"MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA."**

**Hadirin Jumaat sekalian,**

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi kita Muhammad SAW dalam bahasa Arab, menerusi perantaraan Malaikat Jibril AS, disampaikan kepada kita secara *mutawatir*, dimulai dengan surah al-Fatihah, diakhiri dengan surah al-Nas dan membacanya dikira suatu ibadat.

Allah SWT menurunkan al-Quran untuk menjadi panduan hidup manusia sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

*"Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa."*

Kitab al-Quran juga menerangkan kebesaran Allah SWT, mengandungi perundangan kehidupan dan merupakan mukjizat sepanjang zaman. Sesungguhnya penurunan al-Quran adalah anugerah Allah SWT kepada kita dan semestinya kita perlu bersyukur ke hadrat-Nya sebagaimana firman-Nya dalam ayat 1 dan 2 surah al-Kahfi:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ﴿١﴾ قَيِّمًا  
لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ  
أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ﴿٢﴾



*“Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menurunkan kepada hamba-Nya (Muhammad), Kitab suci al-Quran dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong). (Bahkan keadaannya) tetap benar lagi menjadi pengawas turunnya al-Quran untuk memberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) dengan azab yang seberat-beratnya dari sisi Allah dan memberi berita gembira kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka akan beroleh balasan yang baik.”*

### **Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Satu keistimewaan al-Quran yang berlainan dengan kitab *samawi* yang lain ialah nasnya dipelihara oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

*“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”*

Sesungguhnya wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sentiasa dijaga dengan baik. Ketelitian menulis nas al-Quran dengan tepat sudah bermula sejak zaman Baginda lagi. Setiap kali menerima wahyu, Baginda akan mengarahkan ia ditulis oleh para penulis wahyu dalam kalangan para sahabat Radiallahuanhum, antaranya Zaid bin Thabit Radiallahuanhu. Dalam satu riwayat disebutkan bahawa Zaid bin Thabit berkata yang bermaksud:

*“Aku pernah menulis wahyu di sisi Rasulullah SAW dan Baginda membaca kepadaku. Apabila aku selesai menulis, Baginda bersabda: “Bacalah kepadaku apa yang engkau tulis.” Lalu aku membacanya. Jika terdapat kesalahan atau kalimah yang tidak ditulis, Baginda akan*



*memperbetulkan. Kemudian aku bawa keluar wahyu tersebut untuk dibaca kepada manusia."*

*(Riwayat al-Tabarani).*

### **Muslimin yang dikasihi sekalian,**

Pengumpulan al-Quran kali pertama berlaku pada zaman Abu Bakr al-Siddiq Radiallahuanhu iaitu selepas peperangan al-Yamamah menentang golongan murtad. Dalam peperangan tersebut, ramai penghafaz al-Quran gugur syahid. Melihat perkara ini, Umar bin al-Khattab Radiallahuanhu mencadangkan kepada Abu Bakr al-Siddiq Radiallahuanhu untuk mengumpulkan al-Quran. Setelah dipersetujui maka tugas mengumpul dan menulis al-Quran diberi kepada dua orang sahabat iaitu Umar bin al-Khattab Radiallahuanhu dan Zaid bin Thabit Radiallahuanhu. Menurut Imam al-Sayuti, Zaid bin Thabit Radiallahuanhu tidak akan menerima ayat al-Quran yang ditunjukkan kepadanya kecuali dibawakan dua orang saksi bahawa ayat tersebut pernah ditulis di hadapan Rasulullah SAW dan bukan ditulis sekadar ingatan semata-mata.

Semasa pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan Radiallahuanhu, berlaku perselisihan bacaan al-Quran dalam kalangan umat Islam. Setiap mereka mendakwa bahawa bacaan al-Quran merekalah yang betul dan bacaan lain adalah salah. Justeru, satu lajnah telah dibentuk untuk menyalin Mushaf. Lajnah tersebut dianggotai oleh Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Said bin al-'As dan Abdul Rahman bin Harith. Mereka telah menyalin al-Quran ke beberapa mushaf seterusnya dihantar ke kota-kota Islam bersama-sama dengan seorang guru. Ini bertujuan agar umat Islam bersatu-padu dan tidak berpecah-belah dengan sebab bacaan al-Quran.

Penulisan mushaf selepas itu melalui proses yang sama iaitu ditulis dan disemak dengan penuh teliti demi memastikan semua ayat al-Quran adalah sahih dan tepat.



## **Muslimin sekalian,**

Di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah ditugaskan untuk melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan dengan teks dan bahan al-Quran menerusi Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Menerusi Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran (Lajnah Tasheh Al-Quran) yang dianggotai 35 orang dalam kalangan para penghafaz al-Quran dan berkemahiran tinggi dalam penulisan al-Quran, telah berperanan memastikan ketepatan setiap ayat al-Quran sebelum dibenarkan ia dicetak.

Ketelitian lajnah dalam menyemak deraf cetakan al-Quran adalah melibatkan beberapa perkara penting iaitu mesti menepati Rasm Uthmani aliran Abu Daud Sulaiman Bin Najah dan Abu Amru al-Dani, dan juga mesti berteraskan mushaf yang diterbitkan di Madinah al-Munawwarah dan yang diterbit di Universiti al-Azhar, Mesir. Hanya deraf yang menepati garis panduan yang telah ditetapkan akan dibawa kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran bagi tujuan mendapatkan kelulusan cetak.

## **Hadirin yang dikasihi sekalian,**

Dari aspek penguatkuasaan, pihak KDN di negeri-negeri akan menjalankan pemantauan berkala di premis-premis perniagaan, penaziran berjadual di syarikat penerbitan dan pencetakan serta pemeriksaan bersepadu berdasarkan aduan di mana-mana premis. Oleh sebab itu, dengan adanya penguatkuasaan dan kawalan, mushaf yang tersebar di negara ini adalah terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan.

Tanggungjawab memelihara ketepatan cetakan mushaf al-Quran di Malaysia memerlukan kerjasama bersepadu antara agensi kerajaan dengan orang ramai. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewengan, dan



pemalsuan maka orang ramai hendaklah memastikan setiap mushaf mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN sebagai bukti keabsahan cetakan mengikut kelulusan yang diputuskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran KDN. Jika didapati sebaliknya maka bolehlah mengemukakan aduan ke pihak KDN negeri bagi tujuan siasatan, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

### **Muslimin hadirin Jumaat sekalian,**

Akhir sekali, marilah kita sama-sama menghayati pengajaran khutbah seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa Allah SWT akan memelihara al-Quran.
2. Umat Islam yang ragu tentang cetakan al-Quran hendaklah merujuk kepada pihak berkuasa agama dan Lajnah Tashih al-Quran, Kementerian Dalam Negeri.
3. Umat Islam wajib memelihara kesucian al-Quran.
4. Umat Islam hendaklah mempelajari al-Quran, memahami dan mengamalkan isi kandungannya supaya umat Islam hidup bersatu padu dan menolak perpecahan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قُلِ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا لَهُ وَغَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَبْصَرُ بِهِ وَأَسْمِعُ  
مَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا يُشْرِكُ فِي حُكْمِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Allah jua yang mengetahui tentang masa mereka tidur; bagi-Nyalah tertentu ilmu pengetahuan segala rahsia langit dan bumi; terang sungguh penglihatan-Nya (terhadap segala-galanya)!"*



*Tidak ada bagi penduduk langit dan bumi pengurus selain daripada-Nya dan Dia tidak menjadikan sesiapapun masuk campur dalam hukum-Nya."*

*(al-Kahfi : 26).*

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَا  
وَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Kekejaman di Palestin sangat menuntut erti persaudaraan Islam yang kuat dan keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT. Untuk itu mimbar menyeru agar semua umat Islam terus berdoa kepada Allah SWT dalam setiap solat lima



waktu agar keamanan dan kesejahteraan dikecapi oleh saudara kita dan tanah mereka yang dirampas dapat dikembalikan menjadi hak mereka semula.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ  
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَجِّ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.



اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا  
أَنْتَ، الْأَحَدُ الصَّمَدُ، الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ  
كُفُوًا أَحَدٌ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا  
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا  
يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرَّقَ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ  
الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا  
تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ،  
بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ  
فِي فَلَسْطِينَ. 2X

Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Ya Allah! sayangi dan kasihilah mereka, keluarkanlah mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengan kuasa-Mu Ya Allah, jadikanlah sebab perjuangan dan doa kami semua, kau kembalikan tanah mereka yang dirampas. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Anugerahkanlah kemenangan kepada



saudara kami kaum muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Binalah semula keamanan di bumi Palestin dan kembalikannya ke pangkuan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ، إِهْزِمِهِمْ، وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.